

## معالم القرآن والسنة

مجلة محكمة

السنة السادسة، العدد السابع، ٢٠١١

Adel M.Abdulaziz Algeriani

Nidzamuddin Zakaria

### Metode Rasulullah S.A.W. Dalam Menghadapi Cabaran dan Krisis Ekonomi di Madinah Al-Munawwarah

#### ملخص البحث

أرسل الله النبي صلى الله عليه وسلم برسالة الإسلام للناس كافة، وحملت هذه الرسالة كافة الحلول لجميع جوانب الحياة البشرية، بما في ذلك التعليم والسياسة والاقتصاد... إلخ، في سياق قائم على الشريعة الإسلامية. ولم يكن الرسول صلى الله عليه وسلم بمنأى عن مواجهة العديد من التحديات والأزمات الاقتصادية في المدينة المنورة بسبب الفقر، والافتقار إلى موارد الأرض الطبيعية واستغلال الرأسمالية التي قادها اليهود للسيطرة على النشاط الاقتصادي للمدينة قبل الهجرة. كما كان النظام الرأسمالي المدعوقهر الفقراء والربا، وجرائم الاحتيال التي يقوم بها اليهود خلقت في نهاية المطاف فجوة اقتصادية كبيرة بين الأغنياء والفقراء. ومع ذلك، وبعد الهجرة، استطاع النبي صلى الله عليه وسلم أن يحقق ويفضل سياسة المحكمة مع التخطيط الرائع للنظام الإداري في البلاد، وتطبيق مبدأ النزاهة والشفافية مع الأخذ بالاعتبار المصلحة المشتركة، وبالتالي خلق نظام عادل لتوزيع الموارد الوطنية بين أهل المدينة المنورة. ومن ثم فإن هذه الدراسة تتناول منهجه صلى الله عليه وسلم في مواجهة أهم التحديات الاقتصادية التي واجهته بعد هجرته صلى الله عليه وسلم إلى المدينة، وبيان السبل التي اتبعها في حل أهم المشاكل الاقتصادية الداخلية والخارجية.

## PENDAHULUAN

Biarpun umum komuniti Islam menerima mukjizat Rasulullah s.a.w yang paling agung adalah al-Quran al-Karim, namun mukjizat pensejarahan dan kehidupan agung Baginda Nabi Muhammad s.a.w dari aspek peradaban dan ketamadunannya di era kerasulan itu, merupakan bukti yang kukuh dan jelas bahawa baginda adalah seorang utusan Allah s.w.t yang diutuskanNya bagi mengasaskan dan membina sebuah kerajaan di Kota Madinah al-Munawwarah. Sirah Rasul dalam lipatan sejarah telah merakamkan bahawa Baginda Nabi Muhammad s.a.w telah berperanan menyusun atur kerajaan di Madinah, perihatin terhadap sektor perindustrian, pembuatan dan penternakan, di samping itu turut terlibat dalam segala urusan perniagaan dan pasaran di Kota Madinah. Pembangunan ini semuanya adalah untuk memelihara dan menjaga kepentingan sosial, melindungi kehidupan generasi para Sahabat r.hum yang silam, dalam meningkatkan taraf hidup dan sosio ekonomi mereka dalam memacu ketamadunan insan yang gemilang.

Di bawah pimpinan Nabi Muhammad s.a.w seorang yang ummiyy (tidak tahu membaca) yang berada di tengah-tengah masyarakat yang ummiyy, Baginda s.a.w telah berjaya merealisasikan pembangunan sebuah kota yang terancang dan pentadbirannya yang sistematik yang akhirnya menjadi rujukan atau model bagi reformasi dan pembaikpulihan sistem sosial yang signifikan ketika itu. Hal ini jelas membuktikan bahawa proses pembangunan tersebut tidak mungkin akan terlaksana melainkan ia datang daripada seorang utusan dari Allah, Tuhan sekalian alam semesta.

Nabi Muhammad s.a.w telah menghadapi dan menangani dengan penuh bijaksana krisis ekonomi dan sosial yang sangat mencabar, berkat pertolongan dan petunjuk daripada Allah s.w.t, di samping kebijaksanaan Nabi Muhammad menyusun sistem pentadbiran yang kemas dan saksama, sekalipun latar belakang masyarakat Yathrib yang berbilang bangsa dan agama di mana wujud keserasian yang mendalam atau kesepakatan yang jitu di antara para penduduk Madinah. Ini tidak syak lagi, adalah factor utama yang merupakan rahsia di sebalik kejayaan baginda s.a.w dalam menangani isu dan cabaran-cabaran tersebut adalah merujuk kepada kemantapan aspek akidah dalam sesebuah organisasi. Ini adalah kerana akidah yang mendalam yang menyuntik perasaan addin (beragama) yang teguh dan berakhlak mulia yang sekaligus menjadi pemangkin kepada



keaktiviti dan inovasi dalam melakukan sesuatu pekerjaan di samping menyuntik budaya kerja yang cemerlang.

Rasulullah s.a.w sebenarnya telah merangka dan merencana dengan penuh rapi suatu sistem politik atau *siyasah* tersendiri mengendali ekonomi dan menangani krisis yang melanda yang mampu bertindak selaku asas dan kayu ukur kepada metode yang ideal di dalam menghadapi segala macam cabaran yang mendatang, malah menandingi teori-teori ekonomi semasa yang sedia. Lihatlah betapa banyaknya keruntuhan dan kemunduran yang melanda sesuatu bangsa mahupun sesebuah negara disebabkan oleh undang-undang dan teori yang dicipta oleh manusia yang banyak kelemahan dan aspek negatifnya terhadap pembinaan sebuah tamadun insani.

Kajian ini merupakan langkah atau noktah permulaan dalam usaha menyingkap metod Rasulullah s.a.w di dalam pentadbirannya dan aplikasi Sunnah Nabawiyyah dalam menghadapi krisis ekonomi di Madinah al-Munawwarah, samada krisis secara dalaman iaitu; krisis dalam institusi kekeluargaan atau pun krisis luaran yang melanda masyarakat di Madinah al-Munawwarah secara umum.

## SENARIO EKONOMI DI YATHRIB SEBELUM HIJRAH

Yathrib secara geografinya adalah sebuah kawasan pertanian. Sebahagian besar penduduknya, bergantung kepada sektor pertanian dan perladangan. Ini kerana hasil utama di negeri itu adalah kurma dan anggur. Yathrib adalah lokasi-lokasi subur atau kebun-kebun yang makmur dengan pepohon kurma dan anggur<sup>1</sup> yang dilukiskan dalam Kitab Suci al-Quran dalam firmanNya<sup>2</sup> berbunyi:-

﴿ وَفِي الْأَرْضِ قِطْعٌ مُتَجَبَّرٌ وَجَنَّتْ مِّنْ أَعْنَبٍ وَزَرْعٌ وَخَيْلٌ صَنَوَانٌ وَغَيْرُ صَنَوَانٍ يُسْقَى بِمَاءٍ وَاحِدٍ وَنُفِضِلُ بَعْضَهَا عَلَىٰ بَعْضٍ فِي الْأَكْلِ ۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴾

<sup>1</sup> Lihat keterangan terperinci mengenai hal ini melalui hadis Abi Talhah r.a di Bairuha dalam Kitab Sahih Bukhari dan Muslim dan kisah Abi Talhah al-Ansari dalam Muwatta' Imam Malik.

<sup>2</sup> Al-Quran, Al-Ra'd, 13:4.

*Bermaksud:-*

*Dan di bumi ada beberapa potong tanah yang berdekatan (tetapi berlainan keadaannya); dan padanya ada kebun-kebun anggur dan jenis-jenis tanaman serta pohon-pohon tamar (kurma) yang berumpun dan yang tidak berumpun; semuanya disiram dengan air yang sama dan Kami lebihkan buah setengahnya dari setengahnya yang lain (pada bentuk, rasa dan baunya). Sesungguhnya yang demikian itu mengandung tanda-tanda kekuasaan Allah bagi orang-orang yang (mahu) berfikir serta memahaminya.*

Kota Yathrib ini juga turut kaya dan produktif dengan hasil tanaman barli, gandum, sayur-sayuran dan buah-buahan. Yathrib juga pengeluar terbesar bagi buah kurma atau 'tamar' terutama menjelang musim kering atau kemarau tanpa menafikan taburan hujan tahunannya yang mencukupi. Kurma yang makmur di bumi Yathrib sangat memainkan peranan yang positif dalam situasi ekonominya hingga ia bertindak sebagai mata wang di sesetengah keadaan. Kurma juga begitu sarat dengan seribu satu macam faedah dan manfaatnya yang pelbagai hingga ia digunapakai sebagai sumber makanan, batang pokoknya dijadikan tiang-tiang bangunan atau rumah, dedaunnya dimanfaatkan sebagai bahan penguat binaan apabila dicampur dengan lumpur di samping daun tersebut bertindak sebagai sumber makanan utama bagi binatang-binatang ternakan. Ringkasnya, kota Yathrib sebelum hijrah telah tampil sebagai lokasi pertanian yang strategik dan penduduknya pula kaya dengan kemahiran serta pengalaman pertanian yang lama khususnya dalam sektor tanaman kurma hingga berjaya menjadinya sebagai lokasi pertanian yang produktif dan bermutu beserta teknik pertanian yang berkualiti.<sup>3</sup>

Faktor utama yang membentuk geografi Yathrib sebagai lokasi pertanian yang subur dan produktif adalah permukaan tanahnya yang diliputi oleh lava gunung berapi di samping permukaan buminya yang dipenuhi dengan wadi-wadi yang banyak yang mampu mengairi kawasan-kawasan pertanian sekitarnya. Antara wadi yang paling masyhur adalah Wadi al-'Aqiq yang juga merupakan tempat rekrasi atau lokasi rehat yang mendamaikan.

Yathrib juga terkenal dengan ladang-ladanginya yang dilingkungi dengan pagar yang kemas dan dikenali sebagai al-Ha'it atau الحائط.<sup>4</sup> Di

<sup>3</sup> Abu Hasan al-Nadawi. 1996. al-Sirah al-Nabawiyah. Jeddah: Dar al-Syuruq. Hal. 187.

<sup>4</sup> Keterangan mengenai al-Ha'it ini dapat dilihat dalam hadis Ka'ab bin Malik r.a dalam Sahih Imam Bukhari - kitab al-Maghazi.



samping itu, Yathrib juga dikenali sebagai kawasan yang penuh dengan perigi-perigi yang banyak dengan kandungan air mineralnya yang enak diminum dan sumbernya yang sangat mencukupi. Dalam pada itu, Yathrib tidak kurang hebatnya dari segi sistem tali airnya yang rapi dan banyak serta kaedah pemindahan air ke kawasan-kawasan kebun dengan begitu kemas yang dikenali sebagai sistem al-Syuraj (kata jamak bagi *al-Syurjah*).<sup>5</sup>

Dengan penghasilan utama Yathrib berupa gandum, barli, sayur-sayuran dan buah-buahan, penduduknya menjalankan sistem muamalat atau jual beli mereka yang tersendiri antaranya dikenali sebagai; *al-Muzara'ah*, *al-Mu'ajarah*, *al-Muzabanah*, *al-Muhaqalah*, *al-Mukhabarah*, *al-Mu'awamah* yang mana sebahagiannya dikekalkan sebagai produk halal dalam sistem ekonomi Islam manakala sebahagian yang lain pula dilarang atau dimurnikan oleh syariat Islam.<sup>6</sup>

Dalam masa yang sama, kota Yathrib yang kaya dengan sumber asasnya yang berupa hasil pertanian turut mengimport sumber-sumber makanan dari luar sebagai tambahan kepada sumber makanan yang sedia ada dan merencanakan lagi aktiviti ekonomi di dalam dan luar negeri Yathrib. Sejarah telah merakamkan bahawa penduduk Yathrib telah mengimport tepung gandum, lemak sapi, madu dan lain-lain produk makanan dari negara Syam atau Jordan dan sekitarnya di kala ini. Menurut suatu sumber,<sup>7</sup> penduduk Yathrib pernah mengimport sejenis tepung al-Darmak dari negara Syam tersebut sebagaimana yang dirakamkan oleh Imam al-Tirmizi.

Peristiwa kemasukan barang-barang import ke kota Yathrib atau Madinah dengan kenderaan yang lengkap dengan alatan pengangkut ini ditegaskan dalam sepotong hadis yang dinyatakan oleh Qatadah bin Nu'man menurut riwayat Imam al-Tirmizi yang antara lain menyebutkan:-

﴿ كَانَ النَّاسُ إِذَا طَعَمَهُمْ بِالْمَدِينَةِ، التَّمْرَ وَالشَّعِيرَ، وَكَانَ الرَّجُلُ إِذَا كَانَ لَهُ يَسَارٌ فَقَدِمَتْ ضَافِطَةً ﴾

<sup>5</sup> Sila rujuk hadis Abi Hurairah r.a bagi perincian yang direkodkan dalam kitab Sahih Muslim yang antara lain menyatakan; "اسق حديقته فلان" bermaksud; Alirkan air pada kebun si Fulan yang turut menyebutkan penggunaan alat seperti cangkul dalam proses alihan air di tali air tersebut.

<sup>6</sup> Sila rujuk keterangan yang lebih terperinci mengenai bentuk-bentuk produk ini dalam kitab-kitab hadis dalam bab al-Harth (pertanian) dan al-Muzara'ah.

<sup>7</sup> Sila rujuk Jami' al-Tirmizi dalam tafsiran ayat berbunyi; وَلَا تَجَادِلْ عَنِ الَّذِينَ يَخْتَانُونَ أَنْفُسَهُمْ.

*Bermaksud:-*

*Makanan asasi orang-orang di Kota Madinah dahulunya merupakan kurma dan gandum (sebagai produk dalam negeri). Kekadang mereka membawa masuk barang-barang luar berupa makanan dengan menggunakan al-Dafitah.<sup>8</sup>*

Begitulah lukisan umum mengenai senario ekonomi dan latar belakang makanan asasi para penduduk Yathrib sebelum berlakunya peristiwa Hijrah yang masyhur. Di samping itu, penduduk Yathrib sebelum Hijrah juga kaya dengan pelbagai hasil penternakan meliputi penternakan unta, lembu, kambing bahkan unta digunapakai bagi mengeluarkan atau mengepam air dari perut bumi bagi proses pengairan ke ladang-ladang mereka. Mereka juga mempunyai padang-padang ragut yang khusus untuk keperluan binatang ternakan mereka di samping kuda-kuda yang dilatih khusus bagi tujuan peperangan berbanding dengan populasi di Kota Mekah sebagaimana yang dipelopori oleh Bani Sulaim yang turut mengimport kuda-kuda dari Negara luar yang berkualiti.<sup>9</sup>

Situasi ini turut melatari kaum Yahudi yang telah sekian lama mendiami bumi Yathrib yang berkecimpung dalam dunia pembuatan dan perindustrian. Bani Qainuqa' umpamanya, adalah kaum Yahudi di Yathrib yang mahir dengan seni pembuatan barang-barang hiasan dari emas dan perak. Mereka begitu pandai menempa bahan-bahan tersebut dan memperdagangkannya. Justeru, Bani Qainuqa' merupakan komuniti yang paling kukuh ekonominya di kota Yathrib. Rumah-rumah kaum yahudi ini rata-ratanya mewah dan sarat dengan harta yang begitu banyak termasuk barang-barang perhiasan yang bernilai tinggi sedangkan peratus bilangan mereka tidaklah tinggi di bandar tersebut.<sup>10</sup>

Lipatan sejarah sebenarnya merekodkan bangsa Yahudi – sebagaimana yang berlaku di negara-negara lain – adalah golongan yang lebih mendominasi aktiviti ekonomi setempat berbanding dengan orang-orang Arab itu sendiri yang lebih cenderung kepada kehidupan bersifat kaum nomad atau badwi yang langsung tidak merancang atau memikirkan masa depan ekonomi atau pembangunan mereka, biarpun mereka terkenal dengan sifat kepemurahan dan suka menerima tetamu. Ini sekaligus mendesak kaum Arab dalam sesetengah keadaan

<sup>8</sup> al-Dafitah merupakan alat pemikul barang-barang yang diletakkan di kiri kanan binatang tunggangan seperti unta, kuda dan sebagainya. Kabilah dari al-Anmat biasa membawa barang-barang seperti; tepung, minyak zaitun, minyak sapi dan lain-lain lagi dengan menggunakan alat ini.

<sup>9</sup> Abu Hasan al-Nadawi. Op. Cit. Hal. 190.

<sup>10</sup> Ibid. Hal. 187.



mendapatkan sumber kewangan daripada bangsa yang lebih kaya seperti Yahudi dengan jalan hutang dan gadaian yang tidak terlepas dari unsur-unsur riba.

Lebih parah daripada itu, episod-episod peperangan yang melanda suku kaum Arab di kota Yathrib dimanfaatkan sebaik-baiknya oleh kaum Yahudi untuk perdagangan alatan senjata seperti bekalan senjata oleh kaum Yahudi kepada suku kaum Aus dan Khazraj yang bersengketa dan berperang sebelum hijrah. Tidak cukup dengan membekalkan senjata untuk peperangan, kaum Yahudi turut “membekalkan” api permusuhan dan pertelingkahan antara suku kaum Arab di Yathrib yang akhirnya memaksa pembelian produk senjata buatan mereka sendiri yang membawa implikasi yang buruk terhadap ekonomi bangsa Arab di mana tanah-tanah, ladang-ladang, telaga-telaga sebagai sumber air dan sebagainya berakhir dengan pemilikan oleh bangsa Yahudi setelah tidak mampu melunaskan hutang piutang yang sangat banyak.

Oleh yang demikian, banyak lokasi-lokasi penting dan tanah-tanah yang bernilai tinggi jatuh ke tangan kaum Yahudi dan mereka begitu dominan di Kota Yathrib di samping jurang perbezaan antara golongan kaya dengan miskin amat ketara hingga mewujudkan situasi ekonomi yang tidak seimbang dan agihan sumber negara yang tidak saksama di kalangan rakyat semasa ketika itu.<sup>11</sup>

### **KRISIS EKONOMI YANG DIHADAPI RASULULLAH S.A.W SELEPAS HIJRAH**

Sebagaimana yang diterangkan sebelum ini mengenai latar belakang ekonomi Yathrib sebelum peristiwa hijrah, maka ia disimpulkan sebagai situasi yang “tenat” dengan populasinya yang majmuk atau berbilang kaum dan agama serta jurang perbezaan taraf ekonomi yang ketara. Ia tambah parah dengan merudumnya kuasa pemerintahan kaum Arab dengan konflik politik dalaman yang akhirnya memberi impak yang negatif khususnya dalam aspek agihan sumber kekayaan Negara di kalangan rakyat atau penduduk setempat.

Tatkala kaum Muhajirin (para sahabat yang berhijrah dari Mekah ke Kota Madinah) tiba di Yathrib, maka mereka tidak membawa

---

<sup>11</sup> Ibid.

apa-apa sumber kekayaan melainkan pakaian mereka dan sedikit bekalan makanan di tambah pula dengan krisis atau cabaran ekonomi dalaman yang terpaksa ditempuhi Baginda Rasulullah s.a.w dalam konteks rumahtangga baginda s.a.w sendiri. Senario ini melatari kota Yathrib sebelum dan semasa peristiwa hijrah agung baginda sebagai satu cabaran yang begitu hebat dalam sejarah ketamadunan manusia agar Sunnah dan Sirah Nabi bertindak menangani krisis dengan dengan bijak dan sistematik berpandukan suluan wahyu Rabbani dan rahmatNya luas.

### **Pertama: Cabaran Ekonomi Dalam Institusi Keluarga Rasulullah S.A.W.**

Rasulullah s.a.w dalam institusi kekeluargaannya merupakan model yang paling ideal kepada sebuah keluarga yang sederhana bersama isteri-isteri Baginda s.a.w yang tidak sunyi daripada asam garam atau pahit manis kehidupan. Memang tidak dapat dinafikan bahawa kehidupan Baginda s.a.w tidak terlepas daripada pelbagai rintangan dan masalah, namun baginda dalam Sirahnya, tampil dengan penuh bijak dan matang dalam menangani segala isu dan problema yang mendatang.

Rasulullah s.a.w telah menjalani kehidupan yang sangat sederhana malah tidak salah dikatakan kehidupan golongan miskin sekalipun Baginda s.a.w berhak mendapatkan peruntukan al-Fa'i sebanyak mana yang dikehendakinya bagi kepentingan Baginda dan keluarganya. Namun, Baginda s.a.w lebih mengutamakan kepentingan atau kemaslahatan umat dengan kehidupan Baginda yang seadanya demi pembangunan dan kejayaan umatnya hingga dirakamkan oleh isteri Baginda s.a.w, saidatuna Aishah r.ha dan Abu Hurairah r.a bahawa;

﴿ أَنَّهُ مَا شَبَعَ مُحَمَّدٌ وَلَا آلُ مُحَمَّدٍ مِنْ طَعَامٍ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ تَبَاعاً حَتَّى قُبِضَ ﴾

*Bermaksud:-*

*Baginda Rasulullah s.a.w dan keluarga Baginda tidak pernah sekali-kali kenyang selama tiga hari berturut-turut hinggalah saat kewafatannya.<sup>12</sup>*

<sup>12</sup> Yakni Baginda s.a.w tidak pernah mempunyai bekalan makanan yang berlebihan dan mengenyangkan untuk tiga hari berturut-turut hingga Baginda wafat. Lihat hadis ini secara terperinci dalam Kitab sahih Bukhari (kitab al-Raqa'iq). Lihat juga Sahih Muslim dan Sunan Tirmizi (kitab al-Zuhd).



Memang isteri-isteri Rasulullah s.a.w atau dijoloki dengan gelaran Ummahat al-Mukminin merupakan manusia biasa yang tidak sunyi daripada naluri kemanusiaan yang inginkan kemudahan, keselesaan dan kesenangan hidup hingga suatu hari mereka pernah berkumpul untuk berbicara dengan Baginda Rasulullah s.a.w perihal nafkah yang berhak dimiliki mereka. Rasulullah s.a.w lantas duduk bertafakkur dalam kesedihan lalu datang Abu Bakar dan Umar r.huma sedangkan Baginda terus mendiamkan diri. Umar r.a kemudiannya bersuara; “Aku akan berbicara dengan Baginda agar Baginda akan gembira dan tertawa”. Umar terus berkata; “Wahai Rasulullah! Sekiranya engkau melihat Ummu Zaid (isteri Umar sendiri) meminta-minta dengan mendesak nafkah dariku, nescaya aku penggalkan lehernya”. Rasulullah s.a.w tertawa mendengar seloroh Umar r.a hingga tampak geraham Baginda sambil Baginda berterus terang; “Sebenarnya, mereka (isteri-isteri Nabi) di kelilingku semua meminta nafkah daripadaku”. Mendengar penjelasan Nabi, Abu Bakar bingkas meluru ke arah Aisyah r.ha untuk memukulnya dan Umar r.a pula meluru ke arah Hafsa r.ha untuk melakukan hal yang sama. Namun, Baginda Rasulullah s.a.w terus melarang mereka berdua memukul kedua puteri mereka itu.

Realitinya, Baginda s.a.w bukanlah menafikan hak nafkah para isteri Baginda, namun demikian, tidak pantas bagi seorang Rasul untuk melebihkan hak-hak para Ummahat al-Mukminin berbanding dengan kepentingan dan kemaslahatan ummah yang lebih umum, sebaliknya para isteri Baginda s.a.w jualah yang mendokong dan menyokong suami mereka dalam menerajui seluruh aktiviti dakwah bagi pembangunan umat Islam di Kota Madinah.<sup>13</sup>

Memang tidak dapat disatukan antara dua tuntutan yang kontradiksi iaitu; tuntutan nafkah bersalutkan kesenangan atau kemewahan duniawi dengan pengorbanan memikul tugas selaku pengemudi ummah ke mercu jaya. Lantaran itu, Allah s.w.t memberi kata dua antara dua tuntutan bersifat duniawi dan ukhrawi ini melalui firmanNya<sup>14</sup> :-

<sup>13</sup> Muhammad Rawwas Qal'ah Jiyy. 1996. Dirasah Tahliliyyah li Syakhsiah al-Rasul S.A.W. Beirut: Dar al-Nafa'is. Cet. 2. Hal. 182.

<sup>14</sup> Al-Quran. Al-Ahzab. 33:28-29.

﴿يَتَأْتِيهَا النَّبِيُّ قُلٌّ لِأَزْوَاجِكَ إِنْ كُنْتُنَّ تُرِدْنَ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا وَزِينَتَهَا فَتَعَالَيْنَ أُمَتِّعْكُنَّ وَأُسَرِّحْكُنَّ سَرَاحًا جَمِيلًا ﴿٢٨﴾ وَإِنْ كُنْتُنَّ تُرِدْنَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَالْآخِرَةَ فَإِنَّ اللَّهَ أَعَدَّ لِلْمُحْسِنَاتِ مِنْكُنَّ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿٢٩﴾﴾

*Bermaksud:-*

*Wahai Nabi, katakanlah kepada isteri-isterimu: Sekiranya kamu semua mahukan kehidupan dunia (yang mewah) dan perhiasannya (yang indah), maka marilah supaya aku berikan kepada kamu pemberian mut'ah (sagu hati) dan aku lepaskan kamu dengan cara yang sebaik-baiknya. [29] Dan sekiranya kamu semua mahukan (keredaan) Allah dan RasulNya serta (nikmat kemewahan) di negeri akhirat maka sesungguhnya Allah menyediakan bagi orang-orang yang berbuat baik di antara kamu pahala yang besar.*

Serentak dengan itu, Rasulullah s.a.w mengutarakan tawaran tersebut kepada isteri kesayangan Baginda s.a.w dengan sabdanya; “Wahai Aishah! Daku menawarkan padamu suatu perkara yang eloklah dikau merujuk pada kedua orang tuamu untuk membuat pilihan munanti, lantas Baginda s.a.w membacakan ayat-ayat suci al-Quran daripada ayat 28 dan 29 surah al-Ahzab ini. Apakah jawapan Aishah r.ha?! Saidatuna Aishah r.ha dengan tegas dan tanpa ragu-ragu menjawab; “Daku telah memilih Allah dan RasulNya serta Hari Akhirat tanpa ragu-ragu dan merujuk orang tuaku lagi”.

Setelah itu, Baginda Rasulullah s.a.w mengutarakan tawaran yang sama kepada baki isteri-isteri Baginda dan memberitahu pilihan Aishah r.ha. Para isteri Rasulullah s.a.w seraya memberi jawapan bahawa mereka turut memilih perkara yang sama seperti mana pilihan Aishah r.ha.<sup>15</sup> Begitulah Baginda Rasulullah s.a.w dengan bijak dan saksama mengendalikan hal ehwal rumahtangganya serta menangani kehendak-kehendak manusiawi para isteri Baginda dengan sikap yang tegas dan memberi sepenuh keutamaan kepada kemaslahatan dakwah dan jamaah yang kolektif daripada kepentingan yang bersifat individu atau kemalahatan yang terhad dalam ruang lingkup keluarga Baginda.

<sup>15</sup> Lihat keterangan ayat ini secara terperinci dalam tafsir Imam Ibn Kathir dan al-Qurtubiyy bagi kedua-dua ayat ini.



## 2. Cabaran Ekonomi Dalam Negara Di Bawah Teraju Kepimpinan Rasulullah S.A.W.

Rasulullah s.a.w dalam lipatan Sirah Nabawiyyah merupakan seorang pengatur dan penyusun strategi yang begitu kemas sebelum Baginda s.a.w melancarkan program Hijrah ke kota Madinah. Peristiwa Hijrah yang begitu agung dan memberi impak yang besar dalam dakwah dan dunia Islam umumnya telah dimulai dengan pengumpulan data, observasi dan analisa yang begitu kemas, lalu barulah Baginda s.a.w mencanangkan keizinan syarak untuk umat Islam melaksanakan hijrah. Baginda s.a.w dalam pada itu, mengambil kira risiko dan bahaya yang bakal ditanggung daripada senario masyarakat majmuk berlatar belakangkan kepelbagaian agama di Yathrib yang bakal ditempuhi umat Islam nanti. Justeru, Baginda s.a.w, awal-awal lagi telah mengutuskan 'duta' Baginda ke Yathrib iaitu; Mus'ab bin 'Umair r.a bagi mengumpulkan data-data berkaitan dan laboran terperinci mengenai latar belakang sosial dan situasi ekonomi semasa di samping bidang tugas Mus'ab r.a selaku pendakwah di Kota Hijrah itu.

Dari sudut ekonomi, kota Yathrib sebenarnya telah dinaungi oleh sistem Kapitalisme yang merajalela dengan monopoli yang melampau tanpa mengambil kisah atau endah terhadap norma-norma keinsanan dan nilai-nilai moral yang murni diburukkan lagi dengan amalan riba yang berleluasa. Golongan Yahudi yang memegang kuasa ekonomi di saat itu dilihat memonopoli sumber ekonomi utama di Yathrib ditambah pula dengan sikap bakhil atau kedekut yang begitu menebal dan permusuhan yang sangat kuat terhadap umat Islam.

Bukan setakat itu sahaja, malah kaum Yahudi telah bertindak menghasut orang ramai agar tidak menyokong perjuangan dan dakwah Islam bahkan mencanangkan bibit-bibit pemulauan dan pemboikotan di kalangan golongan Ansar (penduduk Madinah) agar tidak memberi bantuan kepada kaum Muhajirin (umat Islam yang berhijrah dari Mekah ke Madinah) dengan mencanangkan hasutan mereka; *"Janganlah kamu semua memberi sumbangan kepada umat Islam kerana itu bakal meruntuhkan ekonomi kamu. Usahlah kamu semua hirau atau ambil berat terhadap perjuangan Muhammad ini yang masih belum nampak prospek atau masa depannya!!"*<sup>16</sup>

<sup>16</sup> Muhammad Mahdi 'Amir. 1988. al-Rasul fi Makkah wa al-Madinah. Kaherah: al-Muassasah al-'Arabiyyah al-Hadithah. Hal. 104.

Senario ekonomi di Madinah di awal peristiwa Hijrah bertambah kusut lantaran orang Arab tempatan di kala itu sedang mengalami kemerosotan ekonomi yang begitu teruk akibat siri peperangan antara kabilah atau suku Aus dan Khazraj<sup>17</sup> yang berpanjangan sekian lama dengan kos perbelanjaan yang begitu besar bagi membeli senjata-senjata daripada golongan Yahudi hingga ada di kalangan mereka yang terpaksa mengadai harta benda mereka. Di pihak Arab yang lain pula iaitu golongan Arab Muhajirin pula dilihat begitu lemah dan kerdil kuasa ekonomi mereka tambahan pula mereka telah berkorban meninggalkan tanahair dan harta benda mereka di Kota Mekah dengan hanya sehelai sepinggang. Hal ini tentu secara logiknya tidak akan mengundang minat sokongan material mahupun moral daripada pihak penduduk Madinah (Ansar) untuk menyokong, mendokong sekalipun mengalu-alukan kedatangan Muhajirin yang tentu akan menambahkan lagi kemelut ekonomi kaum Ansar sedia ada. Ini tentunya suatu fasa yang begitu kritikal buat Nabi Muhammad s.a.w bagi mengatur dan mencatur kestabilan ekonomi sesampainya Baginda di Kota Madinah, selanjutnya menerajui pentadbiran masyarakat di sana.<sup>18</sup>

Begitulah fasa yang getir yang dilalui Baginda Rasulullah s.a.w di awal era politik Baginda di kota Madinah bagi menyusun semula ekonomi dan sumber kewangan negara yang stabil selama lebih kurang sepuluh tahun berada di kota Hijrah tersebut. Ujian dan cabaran yang paling berat sekali adalah pada tahun ke sembilan Hijrah yang menyaksikan peristiwa Perang Tabuk bagi menentang tentera Rom yang jauh lebih hebat dan gagah dari segi material ketenteraan dan sumber ekonomi negara mereka.

Dalam masa yang sama, Madinah menyaksikan musim panas yang melampau dan musim menuai hasil tanaman juga buah-buahan yang menguji keimanan umat Islam untuk memberi sumbangan mahu pun penyertaan dalam agenda peperangan yang hebat itu. Akan tetapi, sejarah telah membuktikan bahawa segala cabaran tersebut ditangani dengan penuh keimanan dan kesabaran di samping sokongan padu tanpa berbelah bahagi oleh umat Islam hingga mereka meraih kemenangan dan kejayaan melakar negara Islam di peta dunia.

<sup>17</sup> Tidak dinafikan wujudnya sebilangan kecil golongan Aus dan Khazraj yang mempunyai ekonomi yang kukuh, namun ia tidak menggambarkan majoriti golongan tersebut.

<sup>18</sup> Muhammad Mahdi 'Amir. Op. Cit. Hal. 104.



Inilah kebijaksanaan Baginda s.a.w menangani krisis dan cabaran ekonomi di Madinah dan artikel ini lebih memfokuskan aspek metod Rasulullah s.a.w menangani cabaran ini dengan lebih terperinci dalam subtopik berikut ini.

## PENGURUSAN RASULULLAH S.A.W TERHADAP KRISIS DAN CABARAN EKONOMI

Tidak dapat dinafikan bahawa wahyu Ilahi berupa al-Quran memainkan peranan yang utama dalam menentukan garis panduan dan pelan tindakan yang komprehensif terhadap *solution* atau penyelesaian terbaik bagi menangani kegawatan ekonomi yang melanda umat Islam di kala itu. Ayat-ayat al-Quran yang turun di Bumi Madinah turut mengutarakan prinsip-prinsip muamalat yang signifikan dan aplikasi ekonomi Islam yang ideal di samping asas-asas pengurusan harta yang adil dan saksama.<sup>19</sup> Bertitik tolak daripada suluhan wahyu Ilahi dan manhaj Rabbani inilah, Baginda Nabi s.a.w menguruskan ekonomi negara Islam Madinah berasaskan metod-metod yang begitu unik dalam mendepani krisis dan cabaran ekonomi semasa. Pelan strategik dan penyusunan kemas sektor ekonomi di kota Madinah meliputi perkara-perkara di bawah ini:-

### 1. Pengeluaran Sumber-sumber Asli Negara

Sumber asli atau tabi'i bagi sesebuah negara yang dimaksudkan di sini adalah yang berupaya meningkatkan pendapatan dan ekonominya merangkumi bahan-bahan galian dari perut bumi (emas, perak dan sebagainya) dan menjalankan kegiatan pertanian yang pro aktif bagi menjana ekonomi negara yang memberangsangkan. Dalam hal ini, Baginda s.a.w mengambil langkah mendorong kegiatan pertanian ini dirancarkan melalui sabda baginda:-

﴿ مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَغْرِسُ غَرْسًا أَوْ يَزْرَعُ زَرْعًا فَيَأْكُلُ مِنْهُ طَيْرٌ أَوْ إِنْسَانٌ أَوْ بَهِيمَةٌ إِلَّا كَانَ لَهُ بِهِ صَدَقَةٌ ﴾<sup>20</sup>

<sup>19</sup> Muhammad Amakhzun. 2002. Manhaj al-Nabi S.A.W fi al-Da'wah min Khilal al-Sirah al-Nabawiyah al-Sahihah. Kaherah: Dar al-Salam. Hal. 336.

<sup>20</sup> Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim dalam Kitab al-Harth dan al-Muzara'ah manakala Imam Muslim dalam Kitab al-Musaqah yang mana kedua-duanya menyatakan hadis ini dalam Bab Kelebihan Penanaman dan Pertanian.

*Bermaksud:-*

*“Mana-mana individu muslim yang menanam sesuatu tanaman atau bertani lalu hasilnya dimanfaatkan sama ada oleh burung atau manusia atau binatang-binatang lain, maka ia dikira sebagai suatu sedekah”.*

Keperihatinan Baginda s.a.w terhadap sektor pertanian sebagai aset negara dan sumber pendapatan negara yang terpenting terserlah melalui keputusan Baginda Nabi s.a.w membenarkan kaum Yahudi di Khaibar untuk terus tinggal di situ sekalipun telah dijatuhkan hukuman pengusiran (akibat pelanggaran mereka terhadap piagam dan perjanjian Madinah) rentetan daripada rayuan mereka yang antara lain menyebutkan; *“Biarkanlah kami terus menguruskan kegiatan pertanian di tanah-tanah kami ini dahulunya kerana kami lebih arif dengan kaedah-kaedah pertanian yang efektif”*. Di waktu yang sama, memang Rasulullah s.a.w dan para Sahabat tidak mempunyai orang yang bakal menguruskan tanah-tanah tersebut. Lalu Baginda s.a.w akhirnya membenarkan kaum Yahudi Khaibar untuk terus mendiami di situ dengan syarat separuh daripada hasil pertanian di kawasan pertanian Khaibar perlu diserahkan kepada umat Islam dan berada di tanah tersebut selama mana dikehendaki oleh umat Islam sahaja.

Bukan sekadar itu sahaja, dasar pentadbiran Baginda s.a.w melalui sunnahnya terhadap hartanah juga menggambarkan keperihatinan Baginda s.a.w memajukan tanah-tanah terbiar agar dapat dimanfaatkan demi kemaslahatan umum dan negara. Justeru, Baginda s.a.w meletakkan dasar yang begitu saksama bagi mereka yang memajukan tanah terbiar dengan memberikan hak pemilikan hartanah tersebut. Baginda s.a.w bersabda:-

﴿ مَنْ أَحْيَا أَرْضًا مَيْتَةً فَهِيَ لَهُ ﴾<sup>21</sup>

*Bermaksud:-*

*“Barangsiapa yang menghidupkan (memajukan) tanah terbiar, maka ia berhak memilikinya”.*

<sup>21</sup> Hadis Riwayat Imam Malik dalam Kitab al-Muwatta' dan Imam al-Tirmizi dalam Kitab Sunannya, Bab Ihya' Ard al-Mawat serta Imam Abu Daud dalam Sunannya, Kitab al-Kharaj, Bab fi Ihya al-Mawat.



*Rasulullah s.a.w bahagiannya. Sejurus selepas itu, bangun seorang lelaki (bernama Aqra' bin Habis) bertanya kepada Rasulullah s.a.w; "Adakah Tuan tahu situasi sebenar lokasi itu? Lalu beliau menjelaskan bahawa kawasan itu merupakan sumber air yang menghasilkan garam (bagi memberi manfaat umum). Akhirnya, Rasulullah s.a.w telah menarik semula pemberian kawasan tanah itu kepada Abyad bin Hammal.*

Hadis ini jelas menunjukkan dasar pengurusan ekonomi yang dilaksanakan Rasulullah s.a.w yang tidak memberikan hak pemilikan secara peribadi kepada individu tertentu sekiranya harta tersebut memberi faedah atau manfaat yang umum, lantaran kepentingan ummah lebih besar daripada kepentingan bersifat perseorangan.

Respon yang sama juga diberikan oleh Baginda Rasulullah s.a.w apabila sekali lagi Abyad bin Hammal mengutarakan permohonannya untuk memiliki tanah yang dipenuhi dengan pokok al-Arak (kayunya dimanfaatkan sebagai kayu sugi) lalu Rasulullah s.a.w hanya mengizinkan pemilikan kawasan pepohon al-Arak itu dimiliki beliau dengan syarat jauh daripada kawasan penempatan penduduk Bandar Madinah kerana kawasan di pinggir Madinah tersebut digunakan untuk kawasan perumahan dan padang ragut bagi ternakan unta. Lihatlah betapa dasar yang diamalkan Rasulullah s.a.w yang mementingkan kegunaan kawasan tanah pinggiran Madinah bagi tujuan perumahan dan perternakan lebih daripada kegunaan berbentuk khusus iaitu pengeluaran produk kayu sugi untuk tujuan pembersihan gigi yang boleh dijalankan jauh daripada kota Madinah.

Dasar yang adil dan saksama demi kepentingan bersama dibuktikan lagi melalui nas berikut:-

﴿وطلب حُرَيْثُ بْنُ حَسَّانٍ - وَافِدُ بْنُ بَكْرِ بْنِ وَائِلٍ - حِينَ وَفَدَ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يُخَصَّصَ لِبَنِي بَكْرِ أَرْضًا لَا يَدْخُلُهَا مِنْ بَنِي تَمِيمٍ إِلَّا مُسَافِرٌ أَوْ مُجَاوِرٌ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: اكْتُبْ لَهُ يَا غُلَامُ بِالْدهْنَاءِ، فَقَالَتْ لِرَسُولِ اللَّهِ امْرَأَةٌ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّهُ لَمْ يَسْأَلْكَ السُّوْيَةَ إِذْ سَأَلَكَ، إِنَّمَا هَذِهِ الدَّهْنَاءُ عِنْدَكَ مُقَيَّدَ الْجَمَلِ وَمَرْعَى الْغَنَمِ، وَنِسَاءُ تَمِيمٍ وَأَبْنَاءُهَا وَرَاءَ ذَلِكَ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ: "إِمْسِكْ يَا غُلَامُ، صَدَقْتَ الْمَسْكِينَةَ، الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ يَسْعَاهُمَا الْمَاءُ وَالشَّجَرُ، وَيَتَعَاوَنَانِ عَلَى الْفَتَنِ"﴾<sup>24</sup>

<sup>24</sup> Abu Daud. Sunan Abi Daud. Kitab al-Kharaj. Bab Iqta' al-Aradin dan Imam Tirmizi dalam Sunan Tirmizi. Kitab al-Ahkam. Bab al-Qatai'.

Baginda Rasulullah s.a.w juga menjelaskan alasan pemberian tugas pengurusan tanah terbiar melalui produk al-Muzara'ah kepada pihak yang berkemampuan melalui sabdanya:-

﴿من أحيا أرضاً قد عجز صاحبها عنها وتركها بمهلكة فهي له﴾<sup>22</sup>

*Bermaksud:-*

*"Barangsiapa yang memajukan tanah terbiar di mana pemilik asalnya tidak berkemampuan menguruskannya dan ditakuti menghadapi risiko kemusnahan, maka dia berhak mendapatkan manfaatnya".*

## **2. Dasar Tidak Memberi Pemilikan Peribadi Kepada Hartanah Berkepentingan Umum**

Sebagaimana sedia maklum bahawa Islam melalui pelaksanaan Baginda Rasulullah s.a.w di Bandar Madinah, mengiktiraf hak-hak pemilikan peribadi atau Personal Ownership berdasarkan syarat-syarat dan prinsip-prinsip syarak yang adil. Namun demikian, Islam dalam masa yang sama telah menggariskan pemilikan tersebut terhad kepada hartanah yang tidak berkepentingan umum kepada komuniti Islam. Justeru, hartanah yang melibatkan kepentingan umum berupa tapak masjid, projek jalan raya, padang ragut bagi binatang-binatang ternakan, lokasi sumber garam dan sebagainya tidak diberikan hak pemilikan peribadi kepada individu tertentu dengan sewenang-wenangnya demi menjaga kemaslahatan atau kebajikan yang bersifat kolektif.

Dasar ini dibuktikan dengan pelaksanaan Baginda Rasulullah s.a.w terhadap isu yang berkaitan dengan kepentingan umum ini dalam hadis berbunyi:-

﴿وفد أبيض بن حمال إلى رسول الله صلى الله عليه وسلم فاستقطعه الملح الذي بمأرب، فقطعه له، فلما أن ولي قال رجل من المجلس: أتدري ما قطعت له يا رسول الله؟ إنما قطعت له الماء العذ، قال: فانتزعه منه﴾<sup>23</sup>

*Bermaksud:-*

*Seorang sahabat bernama Abyad bin Hammal yang menuntut agar diberikan pemilikan kepadanya suatu kawasan tanah di Ma'rib, lantas diberikan Baginda*

<sup>22</sup> Ibn Athir. 1972. Jami' al-Usul fi Ahadith al-Rasul. Beirut: Dar al-Fikr. Hadith No: 136.

<sup>23</sup> Abu Daud. Sunan Abi Daud. Kitab al-Kharaj. Bab Iqta' al-Aradin dan Imam Tirmizi dalam Sunan Tirmizi. Kitab al-Ahkam. Bab al-Qatai'.



*Bermaksud:-*

*Huraith bin Hassan mewakili Bani Bakr bin Wa'il pernah juga mengadap Rasulullah s.a.w selaku ketua negara Madinah untuk diberikan peruntukan tanah yang tidak dikongsi oleh Bani Tamim melainkan golongan yang musafir atau yang berjiran dengan tempat tersebut. Lalu Rasulullah s.a.w pun menyuruh pembantunya menulis perjanjian pemilikan tanah di kawasan bernama al-Dahna' untuk Bani Tamim. Tiba-tiba tampil seorang wanita dengan tegasnya bersuara; "Wahai Rasulullah! Permohonan wakil Bani Bakr itu tidak berasaskan keadilan! Sebenarnya al-Dahna' itu merupakan kawasan ladang ternakan unta dan padang ragut ternakan kambing. Ia juga merupakan penempatan segolongan wanita Bani Tamim bersama anak-anak mereka. Rasulullah s.a.w terus bersuara; Berhenti kamu menulis kontrak ini! Wanita ini bercakap benar! Seseorang muslim itu saudara kepada muslim yang lain dan berkongsi memanfaatkan air dan tumbuh-tumbuhan serta bekerjasama mengelakkan (permusuhan yang diapi-apikan) syaitan.*

Rasulullah s.a.w juga memperuntukkan suatu kawasan yang terkawal atau lokasi simpanan negara bagi tempat bernama al-Naqi' yang kira-kira 20 farsakh daripada Kota Madinah bagi dikhaskan untuk penempatan kuda-kuda kaum Muhajirin dan Ansar yang akan digunakan untuk mempertahankan keselamatan dan keamanan negara daripada serangan pihak musuh luar. Rasulullah s.a.w sangat perihatin tentu hal ini lantas pernah bersabda;

﴿حُمِيَ النَّقِيعُ نَعَمْ مَرْتَعُ الْأَفْرَاسِ يُحْمَى لَهُنَّ وَيُجَاهَدُ بَيْنَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ﴾<sup>25</sup>

*Bermaksud:-*

*Kawasan larangan al-Naqi' adalah lokasi terbaik bagi penempatan kuda-kuda yang berkualiti untuk digunapakai dalam jihad di jalan Allah s.w.t.*

### **3. Galakan Meningkatkan Sektor Pekerjaan dan Pembinaan Modal Insan**

Pada asalnya, penduduk Madinah menganggap kerja-kerja tangan atau hasil kreativiti insan sebagai suatu sektor pekerjaan bagi golongan kelas rendah seperti golongan hamba. Mereka yang merdeka tidak layak menjalankan usaha atau aktiviti-aktiviti sedemikian. Justeru, ia dinamakan sebagai al-Mehnah sebagai tanda tidak cocoknya mereka berkecimpung bidang kerja sedemikian.

<sup>25</sup> Muhsin Abd al-Hamid. 1989. al-Islam wa al-Tanmiyyah al-Ijtima'iah. Jeddah: Dar al-Manarah. Hal. 94.

Apabila Rasulullah s.a.w memegang tampuk pentadbiran negara Madinah, maka Baginda s.a.w telah melakukan anjakan paradigma dan tranformasi pemikiran jumud kepada sektor yang dianggap hina dan kelas rendah ini. Ini adalah kerana, apabila penduduk asal (kaum bumiputera) bertindak menyerahkan sektor pekerjaan seumpama itu kepada pihak luar atau pekerja asing, maka pincang sumber pendapatan sesebuah negara bahkan ia menghalang penjana ekonomi oleh penduduk tempatan itu sendiri lantas negara bakal menghadapi kemelut ekonomi dan kejatuhannya di tangan pelabur atau penggiat ekonomi luar. Justeru, Rasulullah s.a.w melalui sunnah Baginda menggesa peningkatan kerja tangan ini dan menggalakkan pembinaan modal insan yang cemerlang. Rasulullah s.a.w bersabda dalam sepotong hadis yang disampaikan oleh Ibn ‘Abbas r.huma berbunyi:-

﴿من أمسى كالأ من عمل يده أمسى مغفوراً له﴾<sup>26</sup>

*Bermaksud:-*

*Barangsiapa yang petangnya, penat setelah berjaya menghasilkan produk daripada kerja tangannya sendiri, maka di petang itu, dia diampunkan dosa-dosanya (oleh Allah s.w.t.).*

Rasulullah s.a.w juga menjadikan Nabi Daud a.s sebagai role model lantaran sikap kegigihan menjalankan usaha dan kerja daripada kreativitinya sendiri sebagaimana hadis Baginda yang berbunyi:-

﴿ما أكل أحد طعاماً قط خيراً من أن يأكل من عمل يده، وإن نبي الله داود كان يأكل من عمل يده﴾<sup>27</sup>

*Bermaksud:-*

*Tiadalah seseorang itu memakan hasil usahanya lebih baik daripada hasil kerja tangannya sendiri. Sesungguhnya Nabi Allah Daud a.s itu makan hasil usaha tangan Baginda itu sendiri (sebagai tukang besi yang mahir).*

Bukan sekadar itu sahaja, Baginda s.a.w menceritakan sejarah pekerjaan nabi-nabi yang silam sebagai langkah menggiatkan sektor kerja tangan ini dengan mengisahkan perihal Nabi-nabi seperti;

<sup>26</sup> Hadis diriwayatkan oleh Imam Al-Tabarani dalam Mu'jam al-Ausat.

<sup>27</sup> Hadis diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dalam Sahih al-Bukhari. Kitab al-Buyu'. Bab Kasb al-Rujuli 'Amalahu Biyadihi.



**Nabi Nuh a.s** adalah seorang tukang kayu, sehingga beliau dapat membuat kapal yang begitu hebat sebagai persiapan menghadapi banjir besar. Malahan riwayat menyatakan bahwa nabi Nuh membuat kapal tersebut selama empat puluh tahun (umur nabi Nuh Sembilan 1050 tahun) dan kapal tersebut bertingkat tiga dengan panjangnya 2000 hasta atau sekitar satu kilometer, tingginya 30 hasta (lima belas meter) dan lebarnya 600 hasta atau sekitar tiga ratus meter.<sup>28</sup>

**Nabi Idris a.s** pula adalah seorang tukang jahit dan seorang pereka busana yang hebat. **Nabi Ibrahim a.s** pula adalah seorang pedagang baju, sehingga ke mana pergi dia selalu menjual baju. **Nabi Ismail a.s** diriwayatkan bekerja sebagai pemburu, sehingga beliau merupakan orang yang paling pandai dalam berburu, sedangkan Nabi Musa a.s adalah seorang penternak, sebagaimana diriwayatkan bahawa mas kawin Nabi Musa a.s sewaktu menikahi putri nabi Syuaib a.s adalah bekerja menjadi peternak selama lapan tahun.

**Nabi zakaria a.s** bekerja sebagai tukang kayu dan **Nabi Isa a.s** bekerja sebagai penjual kain yang telah disulam oleh Ibunya. Walaupun ibunya Maryam telah dijamin Allah untuk tetap mendapat makanan daripada surge, tetapi dia tetap bekerja menyulam pakaian sambil beribadah di dalam Masjidil Aqsa.

**Nabi Yusuf a.s** adalah pakar ekonomi, sehingga sewaktu mesir dilanda krisis ekonomi, nabi yusuf diserahi tugas membenahi perekonomian mesir dan beliau sukses, sehingga ekonomi mesir menjadi pulih. Akhirnya, **Nabi Muhammad s.a.w** sendiri adalah seorang pekerja, sehingga dalam usia yang sangat muda, iaitu umur lapan tahun sampai remaja, beliau bekerja sebagai pengembala kambing. Setelah dewasa Baginda berniaga dengan menjualkan barang dagangan daripada Khadijah (secara sistem Mudharabah) dan setelah berkahwin dengan khadijah pun, baginda tetap menjalankan harta perniagaan tersebut.<sup>29</sup>

Contoh dan teladan Nabi-nabi yang silam yang berkesinambungan hingga kerasulan Baginda Nabi Muhammad s.a.w sebagai insan yang mementingkan kreativiti, inovasi dan *soft skill* yang teliti menjadi galakan

<sup>28</sup> Ismail bin Umar bin Kathir al-Dimasyqi. 1989. al-Bidayah wa al-Nihayah. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Jilid 1. Hal. 114.

<sup>29</sup> Imam al-Syaibani. Kitab al-Iktisab. Lihat juga Muhammad Arifin Ismail dalam laman sesawang: <http://arifinismail.blogspot.com/2007/05/kerja-nabi-dan-rasul.html> untuk ulasan lanjut.

ke arah peningkatan sektor pekerjaan dan pembinaan modal insan yang cemerlang. Inilah di antara metod Rasulullah s.a.w menangani isu dan krisis ekonomi di Madinah dengan kepimpinan melalui teladan di samping kempen dan galakan yang dijalankan.

#### 4. Kawalan Harga Yang Adil dan Saksama

Monopoli dan sorok barang akan meninggalkan kesan yang amat buruk dalam kegiatan ekonomi. Malahan ia juga menghancurkan prinsip untuk membasmi jurang antara golongan kaya dengan miskin dan peluang yang sama. Perbuatan zalim ini menghancurkan persaingan yang sihat dalam perniagaan, menghancurkan kawalan mutu barang, menindas masyarakat membeli barang dengan harga yang amat tinggi (tidak berpatutan), dan mewujudkan satu keadaan yang terdesak serta tiada pilihan. Lama-kelamaan, perbuatan ini akan menimbulkan perasaan benci dan menghancurkan perasaan murni seperti kasih sayang, belas kasihan, perpaduan, kerjasama dan sebagainya. Apa yang timbul hanyalah perasaan permusuhan dan dendam.<sup>30</sup>

Dalam isu kawalan harga pula, pendekatan Nabi Muhammad s.a.w untuk masalah ini dilihat lebih adil dan saksama kepada pihak pengeluar dan pengguna. Baginda s.a.w membiarkan aliran permintaan dan penawaran yang menentukan rangkaian taraf harga. Ini adalah lebih adil kerana ada waktunya harga meningkat kerana unsur-unsur yang ditentukan Ilahi seperti kekurangan bekalan akibat perubahan cuaca dan sebagainya. Ia juga untuk mendidik pengguna supaya tahu menggunakan hak-hak yang ada pada mereka untuk mengawal taraf harga pasaran.<sup>31</sup>

Ekonomi Islam yang dilaksanakan Rasulullah s.a.w adalah berasaskan keadilan sosial dan kesaksamaan undang-undang. Justeru, terdapat hadis-hadis Baginda yang melarang tipu daya dalam muamalat, penjualan barang-barang sebelum mengenal pasti harga pasaran sebenar di samping tegahan Baginda s.a.w terhadap situasi sabotaj harga dengan mendapatkan barang jualan di tengah jalan sebelum sampai ke tempat jualan sebenar bagi menaikkan harga yang melampau.<sup>32</sup>

<sup>30</sup> Rencana ini dikeluarkan oleh akhbar Berita Harian bertarikh 15 Januari 1998.

<sup>31</sup> Muhammad Hisyam Bin Mohamad. Peranan Pengguna Dalam Menangani Masalah Kenaikan Harga Barangan dan Perkhidmatan. Lihat: <http://www.ikim.gov.my/>.

<sup>32</sup> Lihat: Imam al-Tirmizi. Sunan al-Tirmizi dan Kitab al-Buyu'. Bab Tegahan Berjual beli Sebelum Sampai Tempat Jualan Sebenar bagi perincian hadis tegahan perkara ini.



Begitu juga larangan keras Rasulullah s.a.w terhadap kegiatan monopoli barang melalui tindakan menyorok barangan kawalan melalui kenyataan Baginda s.a.w yang berbunyi:-

﴿من احتكر طعاماً أربعين يوماً يريد به الغلاء فقد برىء من الله وبرىء الله منه﴾<sup>33</sup>

*Bermaksud:-*

*Barangsiapa yang menyorok barang makanan selama 40 hari dengan tujuan untuk menaikkan harganya kelak, sesungguhnya dia telah berlepas diri daripada Allah dan Allah juga berlepas diri daripadanya.*

## 5. Penyusunan Semula Sistem Agihan Hasil Negara Secara Adil

Langkah bijak daripada penyusunan semula sistem agihan hasil negara oleh Baginda Rasulullah s.a.w dilihat mensasarkan objektif-objektifnya murni, yang akhirnya berupaya memberi pulangan yang positif kepada golongan miskin dan sederhana taraf ekonominya di Madinah. Oleh yang demikian, fasa pertama pentadbiran Madinah yang diterajui Rasulullah s.a.w lebih-lebih lagi pada tahun-tahun pertama setelah Hijrah, maka Baginda s.a.w lebih melibatkan para sahabat di kalangan Muhajirin berbanding golongan Ansar lantaran kedaifan ekonomi yang dialami oleh kebanyakan Muhajirin setelah pengorbanan Hijrah mereka. Justifikasinya nanti adalah perolehan daripada peperangan-peperangan (*al-Ghazawat*)<sup>34</sup> yang disertai mereka dapat dimanfaatkan melalui harta rampasan perang atau al-Ghana'im yang sedikit sebanyak mempertingkatkan taraf ekonomi mereka.

Dalam pada itu, Rasulullah s.a.w juga mengutuskan para Sahabat di kalangan para Muhajirin seluruhnya terutama dalam *al-Saraya* atau *al-Bu'uth*<sup>35</sup> yang mana siri peperangan berbentuk ini yang diketuai oleh 'Ubaidah bin al-Harith ke Thaniyah al-Murrah, Sa'ad bin Abi Waqqas ke al-Khirar dan Abdullah bin Jahsy r.hum ke Nakhlah serta lain-lain lagi. Usaha dan langkah ini sedikit sebanyak telah memberi impak yang positif kepada kuasa ekonomi di kalangan kaum Muhajirin yang agak lemah sesudah melaksanakan tuntutan hijrah dari Mekah ke Madinah.

<sup>33</sup> Imam Ahmad bin Hanbal. Musnad. Jil. 2. Hal. 33.

<sup>34</sup> Al-Ghazawat adalah kata jamak kepada al-Ghazwah yang bermaksud peperangan yang disertai oleh Rasulullah s.a.w bersama para Sahabat.

<sup>35</sup> al-Saraya atau al-Bu'uth bermaksud peperangan yang tidak disertai oleh Rasulullah s.a.w di mana Baginda hanya mengutuskan sebilangan para Sahabat sahaja.

Dalam pada itu juga, keseluruhan jenis zakat termasuk zakat fitrah, peruntukan satu perlina dari al-Fai', sedekah-sedekah yang disunatkan, kaffarah-kaffarah yang disyariatkan dan sebagainya tidak kurang peranannya bagi memulihkan taraf ekonomi golongan fakir dan miskin serta yang berhak sekaligus menghapuskan jurang perbezaan yang ketara antara si kaya dan si miskin di Kota Madinah biarpun dalam tempoh yang singkat hinggakan kalau dilihat pada zaman pemerintahan Umar bin al-Khattab r.a, tiada orang yang berhak menerima zakat melalui langkah bijak yang dipelopori Baginda lalu diteruskan oleh khalifah setelah baginda.<sup>36</sup>

Perlu dijelaskan di sini bahawa usaha Nabi s.a.w dalam menangani krisis ekonomi setempat dan semasa ini tidak terbatas sekadar melalui penghantaran tentera-tentera ke medan perang, membuat perjanjian atau penyusunan sistem pentadbiran di Madinah semata-mata, malah rahsia kejayaan tersebut yang paling utama adalah petunjuk wahyu Ilahi dan suluhan kalam Rabbani yang akhirnya mencetuskan ilham dan buah fikiran yang jauh daripada nafsu dan dorongan-dorongan negatif. Firman Allah s.w.t.<sup>37</sup> mengesahkan hal sedemikian berbunyi:-

﴿ مَا ضَلَّ صَاحِبُكُمْ وَمَا غَوَىٰ ۚ وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ۚ ﴾

*Bermaksud:-*

*Dan tiadalah dia (Muhammad) itu berbicara daripada hawa nafsunya. Ia tiada lain hanyalah merupakan wahyu yang diturunkan kepadanya.*

Justeru, matlamat utama yang disasarkan dalam pentadbiran Nabi di Madinah adalah merealisasikan masyarakat madani yang bersatu padu, bekerjasama dan tolong menolong dalam rumpun kesejahteraan dan keamanan serta bernaung di bawah kesaksamaan undang-undang Tuhan. Oleh yang demikian, Sirah telah merakamkan tempoh antara bulan Jamadil Akhir hingga Ramadan tahun kedua Hijrah menyaksikan turunnya perintah Tuhan yang sangat berperanan memperteguhkan spiritual manusia secara peribadi dan memperkasakan ikatan sosial yang jitu. Lalu kita dapat menyaksikan menerusi al-Quran, bahawa ayat-ayat berkenaan perubahan arah kiblat ke arah Kaabah, kewajipan ibadat puasa di bulan Ramadan di samping kefarduan zakat fitrah sesudahnya selaras dengan objektif-objektif yang murni ini.

<sup>36</sup> Mausu'ah Fiqh Umar bin al-Khattab r.a. Perihal Zakat/7.

<sup>37</sup> Al-Quran. Surah al-Najm: 2-3.



Rasulullah s.a.w telah meletakkan asas-asas atau prinsip-prinsip ekonomi Islam bagi masyarakat baru di Madinah, dengan pedoman yang paling agung dan mulia hingga selama-lamanya iaitu Kitab Suci al-Quran al-Karim. Dustur atau undang-undang yang termaktub di dalamnya, sejak dahulu, kini malah selamanya akan menjaga kemaslahatan sosial dan mewujudkan kesaksamaan ekonomi yang tiada taranya. Oleh kerana itulah, al-Quran telah memperuntukkan bahagian-bahagian zakat ini kepada Asnafnya yang lapan, lebih-lebih lagi bagi golongan fakir dan miskin. Firman Allah s.w.t<sup>38</sup> yang berbunyi:-

﴿ يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اِنَّ كَثِيْرًا مِّنَ الْاَحْبَارِ وَالرُّهْبَانِ لِيَآْكُلُوْا اَمْوَالَ النَّاسِ بِالْبَاطِلِ وَيَصُدُّوْنَ عَنْ سَبِيْلِ اللّٰهِ وَالَّذِيْنَ يَكْتٰزِبُوْنَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يَنْفِقُوْنَهَا فِيْ سَبِيْلِ اللّٰهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ اَلِيْمٍ ۝ۙ يَوْمَ تَحْمٰى عَلَيْهِا فِيْ نَارٍ جَهَنَّمَ فَتُكْوٰى بِهَا جِبَاهُهُمْ وَجُنُوْبُهُمْ وَظُهُورُهُمْ ۚ هٰذَا مَا كَنْزْتُمْ لِاَنْفُسِكُمْ فَذُوْقُوْا مَا كُنْتُمْ تَكْتٰزِبُوْنَ ۝ۚ ﴾

*Bermaksud:-*

*Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya banyak di antara pendeta-pendeta dan ahli-ahli agama (Yahudi dan Nasrani) memakan harta orang ramai dengan cara yang salah dan mereka menghalangi (manusia) dari jalan Allah (agama Islam). Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya. [35] (Iaitu) pada hari dibakar emas perak (dan harta benda) itu dalam Neraka Jahanam, lalu diselar dengannya dahi mereka dan rusuk mereka, serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka): Inilah apa yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasalah (azab dari) apa yang kamu simpan itu.*

Allah s.w.t menegaskan bahawa amalan bersedekah di jalanNya ini merupakan suatu urusan yang paling berkat dan memberi pulangan yang sangat menguntungkan di mana ia bukan sekadar berlipat kali ganda kebaikannya sehingga sepuluh kali ganda semata-mata (seperti ibadat lain), bahkan keberuntungannya akan berganda hinggalah kepada 700 kali ganda banyaknya. Ini dijelaskan Allah s.w.t dalam firmanNya<sup>39</sup>:-

<sup>38</sup> Al-Quran. Al-Taubah 9:34-35.

<sup>39</sup> Al-Quran. Al-Baqarah 2:261-262.

﴿ مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِائَةُ حَبَّةٍ ۗ وَاللَّهُ يُضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ ۗ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴾ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ثُمَّ لَا يُتْبِعُونَ مَا أَنْفَقُوا مَنًّا وَلَا أَذًى هُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٢٢٢﴾

*Bermaksud:-*

*Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuanNya. [262] Orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan (agama) Allah, kemudian mereka tidak mengiringi apa yang mereka belanjakan itu dengan perkataan membangkit-bangkit (pemberiannya) dan tidak pula menyinggung atau menyakiti (pihak yang diberi), mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka dan mereka pula tidak akan berdukacita.*

## 6. Kempen Memerangi Kemiskinan

Kemiskinan merupakan masalah dan kekangan ekonomi yang global serta penyakit yang boleh melumpuhkan pembangunan negara dan masyarakat sekiranya tidak dirawat penyakit ini terlebih dahulu. Meneliti kitab al-Quran dan Sirah Rasul Junjungan, kita mendapati bahawa Islam amat memerangi kemiskinan dan mengutarakan pendekatan-pendekatan yang pelbagai bagi membasmi problema sosial ini.

Oleh yang demikian, Islam meletakkan bahawa memberi kebajikan kepada golongan fakir dan miskin ini dapat menebus atau menghapuskan dosa perlanggaran sumpah (Kaffarah Yamin) sebagai usaha yang mempunyai objektif yang bukan sekadar penalti kepada suatu kesalahan malah ihsan kepada golongan tidak bernasib baik sekaligus mengurangkan kadar kemiskinan yang sedia ada. Firman Allah s.w.t <sup>40</sup> berbunyi:-

<sup>40</sup> Al-Quran. Al-Maidah 5:89.



﴿ لَا يُؤَاخِذُكُمُ اللَّهُ بِاللَّغْوِ فِي أَيْمَانِكُمْ وَلَكِنْ يُؤَاخِذُكُمْ بِمَا عَقَدْتُمُ الْأَيْمَانَ فَكَفَرْتُمْ بِهِ ۖ إِطْعَامُ عَشْرَةِ مَسْكِينٍ مِنْ أَوْسَطِ مَا تُطْعَمُونَ أَهْلِيكُمْ أَوْ كِسْوَتُهُمْ أَوْ تَحْرِيرُ رَقَبَةٍ ۖ فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَصِيَامُ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ ۚ ذَلِكَ كَفْرَةُ أَيْمَانِكُمْ إِذَا حَلَفْتُمْ ۚ وَاحْفَظُوا أَيْمَانَكُمْ ۚ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ ءَايَاتِهِ ۚ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴾<sup>41</sup>

*Bermaksud:-*

Kamu tidak dikira salah oleh Allah tentang sumpah-sumpah kamu yang tidak disengajakan (untuk bersumpah), akan tetapi kamu dikira salah olehNya dengan sebab sumpah yang sengaja kamu buat dengan bersungguh-sungguh. Maka bayaran dendanya ialah memberi makan sepuluh orang miskin dari jenis makanan yang sederhana yang kamu (biasa) berikan kepada keluarga kamu atau memberi pakaian untuk mereka, atau memerdekakan seorang hamba. Kemudian sesiapa yang tidak dapat (menunaikan denda yang tersebut), maka hendaklah dia berpuasa tiga hari. Yang demikian itu ialah denda penebus sumpah kamu apabila kamu bersumpah dan jagalah (peliharalah) sumpah kamu. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya (hukum-hukum agamaNya) supaya kamu bersyukur.

Keprihatinan Islam terhadap kebajikan golongan miskin ini juga melibatkan *Kaffarah Zihar*, *Kaffarah Bersetubuh* di siang hari Ramadan dan sebagainya, adalah bukti ruh tolong-menolong dan bersedekah ini disemai melalui hukuman yang dikenakan syariat Islam. Tidak hairanlah kerana fadilat bersedekah ini amat tinggi di sisi Allah s.w.t dan RasulNya di samping manfaat duniawi yang tersendiri. Anas bin Malik r.a meriwayatkan daripada Baginda Rasulullah s.a.w:-

﴿ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ خَادِمَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ ﴾

*Bermaksud:-*

“Daripada Anas bin Malik r.a Khadam Rasulullah s.a.w bahawa Baginda Rasulullah s.a.w bersabda; Tidak (sempurna) iman seseorang daripada kalangan kamu sehingga dia mengasihi saudaranya sebagaimana dia mengasihi dirinya sendiri”.<sup>41</sup>

<sup>41</sup> Hadis riwayat Imam Bukhari dan Muslim.

Abu Musa al-Asyari juga pernah meriwayatkan hadis Rasulullah s.a.w berbunyi:-

﴿المؤمن للمؤمن كالبنيان يشد بعضه بعضاً وشبك بين أصابعه﴾

*Bermaksud:-*

*"Seseorang mukmin dengan mukmin lain itu umpama (tingkatan) bangunan yang saling menguatkan binaannya sesama sendiri sambil Baginda s.a.w menunjukkan jemari kedua tangannya digenggam erat".<sup>42</sup>*

Dalam pada itu, bukanlah bermakna Islam menggesa golongan kaya atau berada memberi infak kepada golongan miskin, lalu golongan miskin tersebut hanya duduk berpeluk tubuh tanpa usaha dan ikhtiar, namun Islam memandang tinggi sifat ingin berdikari dan tidak mengharap bantuan orang lain tanpa sebab atau alasan yang konkrit.<sup>43</sup>

Oleh yang demikian, Rasulullah s.a.w menggariskan kriteria pemberian yang diizinkan syarak terhadap golongan yang benar-benar memerlukan sahaja dengan tegas Baginda s.a.w berbunyi:-

﴿لا تحل الصدقة لغني ولا لقوي مكتسب﴾<sup>44</sup>

*Bermaksud:-*

*Tidak harus sedekah itu diberikan kepada si kaya atau si gagah yang berupaya untuk bekerja.*

Rasulullah s.a.w turut menjelaskan:-

﴿من سأل من غير فقر فإنما يأكل الجمر﴾<sup>45</sup>

*Bermaksud:-*

*Barangsiapa yang meminta-minta tanpa alasan kefakiran, maka dia sebenarnya memakan api.*

<sup>42</sup> Hadis riwayat Imam Bukhari dan Muslim.

<sup>43</sup> Lihat Muhammad bin Ahmad bin Saleh al-Saleh. 2005. Manhaj al-Islam fi Mu'alajah al-Faqr. Riyad: Syarikat Rifal li al-Tajlid. Hal. 109-130 untuk perincian.

<sup>44</sup> Hadis riwayat Imam Abu Daud, Sunan Abi Daud. Hadis No. 1634. Hadis juga diriwayatkan Imam al-Tirmizi, Sunan Tirmizi. Hadis No. 652.

<sup>45</sup> Hadis riwayat Imam Ahmad dalam Musnad. Hadis no. 17054.



Daripada nas-nas dan hujah-hujah ini, dapatlah dirumuskan bahawa asas yang dibina oleh Rasulullah s.a.w dalam menjalankan pemulihan ekonomi masyarakat di Madinah antara lain melalui pembasmian kemiskinan bagi mengelakkan wujudnya jurang yang ketara antara kelompok sosial di kota tersebut, sekaligus memupuk perpaduan dan keharmonian bersama serta bebas daripada gejala-gejala permusuhan sesama mereka.<sup>46</sup>

## 7. Merealisasikan Perpaduan Sosial dan Ekonomi Antara Rakyat Madinah

Perpaduan sosial dan ekonomi berpaksikan keimanan dan ketakwaan yang mendalam kepada Allah s.w.t telah berjaya dibentuk oleh Rasulullah s.a.w di kalangan para sahabat khususnya golongan Ansar dan Muhajirin. Al-Balaziri meriwayatkan bahawa; Ketika Rasulullah s.a.w berjaya memperolehi harta daripada Bani Nadir (Kaum Yahudi – akibat pengkhianatan terhadap piagam Madinah) maka Baginda s.a.w telah menyuarakan suatu permintaan kepada kaum Ansar melalui penjelasan Baginda s.a.w;

*“Saudara-saudaramu daripada kalangan kaum Muhajirin adalah mereka yang tidak berharta, sekiranya kalian setuju, akan daku bahagikan harta ini kepada kamu dan daku peruntukan satu bahagian khusus untuk saudara kamu daripada Muhajirin”. Mendengar penjelasan Baginda s.a.w, kaum Ansar dengan rela hati menjawab; “Bahkan sebaiknya Tuan berikanlah bahagian yang khusus untuk mereka dan bahagikan sesama mereka juga daripada bahagian harta kami ini”.<sup>47</sup>*

Begitulah keserasian, kesepakatan dan semangat persaudaraan yang bukan atas dasar keturunan, namun terbina atas keimanan dan ketakwaan yang luhur kepada Allah s.w.t ditambah pula kesetiaan dan ketaatan tanpa berbelah bahagi kepada Rasulullah s.a.w.

Tidak cukup sekadar asas keimanan dan ketakwaan yang mendasari persefahaman yang jitu ini, malah Rasulullah s.a.w merangka suatu perjanjian atau piagam Madinah yang lebih jelas butiran-butirannya bagi menjamin kemuafakatan yang berterusan dan berpanjangan di

<sup>46</sup> Muhammad Taib al-Najjar. 1978. al-Qaul al-Mubin fi Sirah Sayyid al-Mursalin. Dar al-I'tisam. Hal. 175.

<sup>47</sup> Al-Balaziri. 1932. Futuh al-Buldan. Al-Matba'ah al-Tijariyah al-Kubra. Hal. 33-34.

kalangan komuniti Islam di kota tersebut. Ini tentunya satu langkah dan metode yang efektif bagi mengemaskini sistem sosial, ekonomi, politik dan persefahaman sesama penduduk dalam mewujudkan kesejahteraan negara dan mengelakkan sebarang mara bahaya yang tiba atau keburukan luar yang mungkin menimpa di samping mengekalkan sebarang sikap pengkhianatan, kezaliman atau penindasan di kalangan mereka sendiri.<sup>48</sup>

Perjanjian dan pemuafakatan ini bukan hanya untuk kaum muslimin semata-mata, malah melibatkan masyarakat non muslim (khususnya Yahudi) yang berada di kota Hijrah tersebut agar ruh perpaduan dan persefahaman yang jitu ini turut disemarakkan di kalangan mereka selaku penduduk yang setia pada negaranya daripada sebarang bentuk penentangan, pemberontakan atau permusuhan di samping mengiktiraf Baginda Rasulullah s.a.w selaku Ketua Negara di Madinah al-Munawwarah.

Justeru, Piagam Madinah<sup>49</sup> atau *Sahifah Madinah* dimeterai bagi menjamin kemuafakatan dan kesefahaman sosial mahu pun ekonomi di kalangan masyarakat yang menetap di situ.

### Perkara Utama Piagam Madinah<sup>50</sup>

Perkara utama yang terkandung dalam Piagam Madinah adalah:-

- \* Nabi Muhammad s.a.w. adalah Ketua Negara untuk semua penduduk Madinah dan segala pertelingkaran hendaklah merujuk kepada baginda;
- \* Semua penduduk Madinah ditegah bermusuhan atau menanam hasad dengki sesama sendiri, sebaliknya mereka hendaklah bersatu dalam satu bangsa iaitu bangsa Madinah;
- \* Semua penduduk Madinah bebas mengamal adat istiadat upacara keagamaan masing-masing;

<sup>48</sup> Muhammad Abu Zahrah. T.th. Khatam al-Nabiyin. Beirut: Dar al-Fikr al-Arabi. Jil. 2. Hal. 562.

<sup>49</sup> Ibn Hisham. T.th. al-Sirah al-Nabawiyah. Bayrut: al-Dar al-Thaqafiyah al-'Arabiyyah dan Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti. 1991. Fiqh al-Sirah al-Nabawiyah. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir. Hal. 222-224. Lihat juga: [http://ms.wikipedia.org/wiki/Piagam\\_Madinah](http://ms.wikipedia.org/wiki/Piagam_Madinah).

<sup>50</sup> Piagam Madinah telah digubal oleh Nabi Muhammad s.a.w. pada tahun 622M bersamaan tahun pertama Hijrah, merupakan perlembagaan bertulis pertama di dunia Islam.



- \* Semua penduduk Madinah hendaklah bekerjasama dalam masalah ekonomi dan mempertahankan Kota Madinah dari serangan oleh musuh-musuh dari luar Madinah;
- \* Keselamatan orang Yahudi adalah terjamin selagi mereka taat kepada perjanjian yang tercatat dalam piagam tersebut.

### Objektif Piagam Madinah

- \* Menghadapi masyarakat majmuk Madinah;
- \* Membentuk peraturan yang dipatuhi bersama semua penduduk;
- \* Ingin menyatukan masyarakat pelbagai kaum;
- \* Mewujudkan perdamaian dan melenyapkan permusuhan;
- \* Mewujudkan keamanan di Madinah;
- \* Menentukan hak-hak dan kewajiban Nabi Muhammad dan penduduk setempat;
- \* Memberikan garis panduan pemulihan kehidupan kaum Muhajirin;
- \* Membentuk Kesatuan Politik dalam mempertahankan Madinah;
- \* Merangka persefahaman dengan penduduk bukan Islam, terutama Yahudi dan
- \* Memberi peruntukan pampasan kepada kaum Muhajirin yang kehilangan harta benda dan keluarga di Mekah.

### Isi Kandungan Piagam Madinah

Kandungan piagam ini terdiri daripada 47 fasal. 23 fasal piagam tersebut membicarakan tentang hubungan antara umat Islam sesama umat Islam iaitu antara Ansar dan Muhajirin, manakala 24 fasal yang berbaki membicarakan tentang hubungan umat Islam dengan umat bukan Islam iaitu Yahudi. Selain Piagam Madinah, ia juga dikenali dengan pelbagai nama seperti perjanjian Madinah, *Dustur al-Madinah* dan juga *Sahifah al-Madinah*. Isi kandungan bagi 47 fasal <sup>51</sup> adalah seperti berikut:-

#### Fasal 1

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah Lagi Penyayang : Inilah kitab (Piagam Bertulis) dari Nabi Muhammad, pesuruh Allah bagi orang-orang yang beriman dan orang-orang yang memeluk Islam dari Quraisy dengan penduduk Yathrib dan orang-orang yang bersama mereka lali masuk ke dalam golongan mereka dan berjuang bersama-sama mereka.

<sup>51</sup> Penulis menggunakan font yang kecil memandangkan ia hanya disertakan di sini sebagai lampiran.

## **Fasal 2**

Bahawa mereka adalah satu umat (bangsa) berbeza dari manusia-manusia lain.

## **Fasal 3**

Golongan Muhajirin dari Quraisy tetaplah di atas pegangan lama mereka: mereka saling tanggung-menanggung membayar dan menerima diyat (wang tebusan) di antara sesama mereka dalam mana mereka menebus sesiapa yang tertawan dengan cara berkebajikan dan adil di kalangan orang-orang beriman.

## **Fasal 4**

Bani Auf (dari Yathrib) tetaplah di atas pegangan lama mereka dalam mana mereka bersama-sama tanggung-menanggung membayar serta menerima wang tebusan seperti dulu; dan setiap taifah (golongan) tetaplah menebus sesiapa yang tertawan dari kalangan mereka sendiri dengan cara berkebajikan dan adil di kalangan orang-orang yang beriman.

## **Fasal 5**

Bani al-Harith (dari Yathrib – Madinah) bin al-Khazraj tetaplah di atas pegangan lama mereka bersama-sama bertanggungjawab membayar wang tebusan darah seperti dulu, dan tiap-tiap puak dari (Suku Khazraj) hendaklah membayar wang tebusandarah mereka sendiri dengan adil dan berkebajikan di kalangan orang-orang yang beriman.

## **Fasal 6**

Bani Saidah (dari Yathrib) tetaplah di atas pegangan lama mereka bersama-sama bertanggungjawab membayar wang tebusan darah seperti dahulu dan tiap-tiap puak dari mereka hendaklah membayar wang tebusan darah untuk mereka sendiri dengan berkebajikan dan adil di kalangan orang-orang yang beriman.

## **Fasal 7**

Bani Jusyam (dari Yathrib) tetaplah di atas pegangan lama mereka bersama-sama bertanggungjawab membayar wang tebusan darah seperti dahulu dan tiap-tiap puak dari mereka hendaklah membayar wang tebusan darah untuk mereka sendiri dengan berkebajikan dan adil di kalangan orang-orang yang beriman.

## **Fasal 8**

Banu al-Najjar (dari Yathrib) tetaplah di atas pegangan lama mereka bersama-sama bertanggungjawab membayar wang tebusan darah seperti dahulu dan tiap-tiap puak dari mereka hendaklah membayar wang tebusan darah untuk mereka sendiri dengan berkebajikan dan adil di kalangan orang-orang yang beriman.

## **Fasal 9**

Bani Amru bin Auf tetaplah di atas pegangan lama mereka bersama-sama bertanggungjawab membayar wang tebusan darah seperti dahulu dan tiap-tiap puak dari mereka hendaklah membayar wang tebusan darah untuk mereka sendiri dengan berkebajikan dan adil di kalangan orang-orang yang beriman.



**Fasal 10**

Bani al-Nadir (dari Yathrib) tetaplah di atas pegangan lama mereka bersama-sama bertanggungjawab membayar wang tebusan darah seperti dahulu dan tiap-tiap puak dari mereka hendaklah membayar wang tebusan darah untuk mereka sendiri dengan berkebakjikan dan adil di kalangan orang-orang yang beriman.

**Fasal 11**

Bani Aus (dari Yathrib) tetaplah di atas pegangan lama mereka bersama-sama bertanggungjawab membayar wang tebusan darah seperti dahulu dan tiap-tiap puak dari mereka hendaklah membayar wang tebusan darah untuk mereka sendiri dengan berkebakjikan dan adil di kalangan orang-orang yang beriman.

**Fasal 12**

Bahawa orang-orang yang beriman tidaklah boleh membiarkan sebarang masalah di antara mereka sendiri bahkan mestilah sama-sama bertanggungjawab memberi sumbangan, dengan berkebakjikan untuk membayar wang tebusan darah dengan adil.

**Fasal 12-b**

Hendaklah seseorang yang beriman itu tidak membuat apa-apa perjanjian dengan orang yang di bawah kawalan seseorang yang beriman yang lain dengan tidak mendapat persetujuan terlebih dahulu.

**Fasal 13**

Bahawa orang-orang beriman lagi bertaqwa hendaklah menentang sesiapa yang membuat kesalahan, melanggar kesusilaan, melakukan kezaliman atau dosa atau perseteruan atau kerosakan di kalangan orang-orang beriman, dan mereka hendaklah bersatu bersama-sama menentang orang tersebut walaupun jika orang itu anak kepada salah seorang dari mereka.

**Fasal 14**

Tidak sayugianya seseorang mukmin itu membunuh seorang mukmin lain kerana seorang kafir, tidak sayugianya ia menolong mana-mana kafir terhadap seseorang mukmin.

**Fasal 15**

Bahawa jaminan Allah itu adalah satu dan sama; ia melindungi nasib orang yang lemah dari perbuatan mereka; dan bahawa orang-orang Mukmin hendaklah salinh menjamin sesama sendiri terhadap (gangguan) orang lain.

**Fasal 16**

Bahawa orang-orang Yahudi yang menyertai kita hendaklah mendapatkan pertolongan dan pimpinan dengan tidak menzalimi dan tidak boleh ada pakatan tidak baik terhadap mereka.

**Fasal 17**

Bahawa perdamaian orang-orang mukmin itu adalah satu dan sama, oleh itu tidak boleh dibuat perjanjian dengan mana-mana orang mukmin tanpa diturut serta oleh mukmin yang lain dalam sesuatu perang pada jalan Allah, melainkan dengan dasar persamaan dan keadilan di kalangan mereka.

#### **Fasal 18**

Bahawa setiap serangan kita hendaklah dikira sebagai serangan terhadap semua, oleh itu hendaklah disiliahgantikan tenaga menentanginya.

#### **Fasal 19**

Bahawa orang mukmin hendaklah saling membela sesama mereka atas setiap darah yang tumpah pada jalan Allah.

#### **Fasal 20**

Bahawa orang-orang mukmin lagi bertaqwa hendaklah teguh di atas sebaik-baik petunjuk dan seteguh-teguhnyanya.

#### **Fasal 20-b**

Bahawa tidak boleh mana-mana orang musyrik melindungi harta orang-orang Quraisy dan tidak juga nyawa mereka dan tidak boleh menghalang orang mukmin (akan haknya).

#### **Fasal 21**

Barangsiapa membunuh dengan sewenang-wenangnyanya akan seorang mukmin dengan tidak ada bukti yang cukup hendaklah dihukum bunuh balas kecuali dipersetujui oleh wali yang kena bunuh menerima ganti darah. Semua orang mukmin hendaklah bersatu suara mengutuk perbuatan itu, bahkan tidak harus bagi mereka menegakkan terhadapnya.

#### **Fasal 22**

Bahawa tidak harus bagi mana-mana orang mukmin yang mengakui isi kandungan Piagam ini, dan percaya Allah dan Hari Kemudian, menolong mana-mana orang yang mencabul ataupun melindungi orang itu. Barangsiapa menolong orang itu maka keatasnya laknat Allah dan kemurkaanNya pada hari Kiamat kelak, dan tidak akan diterima darinya sebarang tebusan dan tidak juga sebarang taubat.

#### **Fasal 23**

Berbalah walau bagaimanapun kamu dalam sesuatu perkara hendaklah merujukkan perkara itu kepada Allah dan Nabi Muhammad.

#### **Fasal 24**

Bahawa orang-orang Yahudi hendaklah turut serta membelanja sama-sama dengan orang-orang mukmin selama mana mereka itu berperang.

#### **Fasal 25**

Bahawa kaum Yahudi dari Bani Auf adalah satu ummah bersama orang-orang mukmin, mereka bebas dengan agama mereka sendiri (Yahudi) dan orang Islam dengan agama mereka (Islam), begitu juga orang-orang yang sekutu mereka dan begitu juga diri mereka sendiri, melainkan sesiapa yang zalim dan berbuat dosa maka hal itu tidak akan menimpa melainkan dirinya dan keluarganya sendiri.

#### **Fasal 26**

Yahudi Bani al-Najjar (diperlakukan) sama dengan Yahudi Bani Auf.

#### **Fasal 27**

Yahudi Bani al-Harith (diperlakukan) sama dengan Yahudi Bani Auf.



**Fasal 28**

Yahudi Bani al-Saidah (diperlakukan) sama dengan Yahudi Bani Auf.

**Fasal 29**

Yahudi Bani Jusyaim (diperlakukan) sama dengan Yahudi Bani Auf.

**Fasal 30**

Yahudi Bani al-Aus (diperlakukan) sama dengan Yahudi Bani Auf.

**Fasal 31**

Yahudi Bani Tha'alabah (diperlakukan sama dengan Yahudi Bani Auf, kecuali orang-orang zalim dan orang yang berbuat dosa maka hal itu tidak akan menimpa melainkan diri dan keluarganya sendiri.

**Fasal 32**

Bahawa suku Jafnah yang bertalian keturunan dengan Yahudi Tha'alabah (diperlakukan) sama dengan mereka itu (Bani Tha'alabah).

**Fasal 33**

Bani Shutaibah (diperlakukan) sama dengan Yahudi Bani Auf, dan sikap yang baik hendaklah membendung segala kejahatan.

**Fasal 34**

Bahawa orang-orang yang bersekutu dengan Yahudi Bani Tha'alabah (diperlakukan) sama dengan mereka itu.

**Fasal 35**

Bahawa para pegawai kepada orang-orang Yahudi (diperlakukan) sama dengan orang-orang Yahudi itu sendiri.

**Fasal 36**

Tiada seorang pun yang menyertai Piagam ini boleh menarik diri keluar dari pakatan mereka melainkan dengan persetujuan dari (Nabi) Muhammad.

**Fasal 36-b**

Tidak boleh disekat dari membuat kelukaan yang dilakukan oleh mana-mana orang ke atas dirinya, barang siapa membuat kejahatan maka balasannya adalah dirinya dan keluarganya kecuali orang yang dizalimi dan bahawa Allah akan melindungi orang yang menghormati piagam ini.

**Fasal 37**

Bahawa orang-orang Yahudi hendaklah menbiayai negara seperti mana orang-orang mukmin juga hendaklah menbiayai negara; dan hendaklah mereka sama-sama tolong-menolong menentang sesiapa jua yang memerangi orang-orang yang menganggotai Piagam ini; dan hendaklah mereka saling nasihat-menasihati, sama-sama membuat kebajikan terhadap perbuatan dosa.

**Fasal 37-b**

Mana-mana orang tidaklah boleh dianggap bersalah kerana kesalahan yang dilakukan oleh sekutunya; dan pertolongan hendaklah diberi kepada orang yang dizalimi.

**Fasal 38**

Bahawa orang-orang Yahudi hendaklah memikul biayaan bersama-sama orang mukmin selama mana mereka berada dalam keadaan perang.

**Fasal 39**

Bahawa Kota Yathrib adalah terpelihara sempadannya tidak boleh dicerobohi oleh mana-mana pihak yang menganggotai piagam ini.

**Fasal 40**

Bahawa jiran tetangga hendaklah diperlakukan sebagai diri sendiri, tidak boleh dilakukan terhadapnya sebarang bahaya dan dosa.

**Fasal 41**

Tidak boleh dihampiri sebarang kehormatan (wanita) melainkan dengan izin keluarganya sendiri.

**Fasal 42**

Bahawa apa juga kemungkaran (bunuh) atau apa juga pertengkaran di antara sesama peserta piagam ini sekira-kira dikhuatiri membawa bencana maka hendaklah dirujuk kepada hukum Allah dan kepada penyelesaian oleh Muhammad pesuruh Allah, Allah menyaksikan kebaikan isi kandungan piagam ini dan merestuinnya.

**Fasal 43**

Bahawa tidaklah boleh diberi bantuan perlindungan kepada Quraisy (musuh), begitu juga tidak boleh diberi perlindungan kepada orang-orang yang membantunya.

**Fasal 44**

Bahawa hendaklah bantu-membantu mempertahankan kota Yathrib daripada mana-mana pihak yang mencerobohnya.

**Fasal 45**

Apabila mereka diajak untuk berdamai atau untuk masuk campur dalam satu-satu perdamaian maka hendaklah mereka bersedia berdamai atau masuk campur ke dalam perdamaian itu; dan bila mana mereka diajak berbuat demikian maka orang-orang mukmin hendaklah merestuinnya kecuali terhadap orang-orang yang memerangi agama (Islam).

**Fasal 46**

Bahawa orang-orang Yahudi Aus sendiri dan begitu juga orang-orang yang bersekutu dengan mereka hendaklah memikul kewajipan sama seperti mana pihak-pihak yang lain yang menganggotai ini demi kebaikan mereka semata-mata (perdamaian) dari anggota-anggota piagam ini. Dan mereka hendaklah berbuat kebajikan dengan tidak melakukan dosa kerana barang siapa yang berbuat sesuatu maka dialah yang menanggungnya sendiri. Dan Allah menyaksi akan kebenaran isi kandungan Piagam ini dan merestuinnya.

**Fasal 47**

Bahawa piagam ini tidak boleh dipakai bagi melindungi orang-orang zalim dan yang bersalah; dan bahawa –mulai dari saat ini barang siapa berpergian dari kota Madinah atau menetap di dalamnya adalah terjamin keselamatannya kecuali orang-orang yang zalim atau bersalah. Dan bahawa Allah merestui setiap orang yang membuat kebajikan dan bertakwa dan bahawa Muhammad hendaklah diakui Pesuruh Allah.



Begitulah Rasulullah s.a.w. dalam merangka piagam Madinah, berdasarkan bimbingan wahyu di samping mengambil kira norma-norma masyarakat Madinah ketika itu demi perpaduan dan kesejahteraan bersama.

### **Tinjauan dan Ulasan Terhadap Piagam Madinah**

Melalui analisa dan penelitian yang terperinci terhadap isi kandungan Piagam Madinah seperti mana yang disebutkan sebelum ini, jelas terbukti kerjasama dan semangat toleransi yang jitu yang dilaksanakan oleh Baginda Rasulullah s.a.w di kalangan para penduduk Bandar Madinah yang terdiri daripada masyarakat majmuk yang berbilang bangsa dan agama. Jelas dan zahirnya, tidak ada perbezaan sama sekali antara orang-orang Islam dengan orang-orang bukan Islam dalam memikul tanggungjawab menjaga kemaslahatan negara ini.

Di sini juga dapat dilihat bahawa sebenarnya Rasulullah s.a.w merupakan seorang pemimpin yang sangat berwibawa dan berkaliber dalam pembentukan sistem undang-undang yang ideal dan signifikan dengan kehendak negara dan kebajikan rakyat malah sistem tersebut merupakan sistem undang-undang yang pertama dan terulung di dalam sejarah Islam malah sejarah ketamadunan manusia.

Dengan termeterainya Piagam Madinah yang sistematik ini, maka orang-orang Yahudi tidak dibenarkan keluar berperang melainkan dengan keizinan Ketua Negara iaitu Baginda Rasulullah s.a.w. sendiri agar tidak berlaku sebarang insiden atau kes yang boleh mengganggu gugat kestabilan politik dan keamanan sesebuah negara.

Piagam ini juga menekankan aspek kerjasama, toleransi, kemuafakatan, ruh bantu membantu dalam kebaikan dan bekerjasama bagi membenteraskan kegiatan yang merosakkan keamanan sesebuah negara dengan semangat muhibbah dan cintakan tanahair itu sendiri.

### **8. Mempelbagaikan Sumber Kekayaan Negara**

Baginda Rasulullah s.a.w menyedari kepentingan kepelbagaian sumber pendapatan negara malah negara tersebut tidak mungkin maju dengan bergantung kepada satu jenis produk atau sumber sahaja apatah lagi negara Islam Madinah terpaksa mengharungi zaman kesukaran atau kemelut ekonomi pada dua setengah tahun pertama setelah Hijrah.

Dalam tempoh yang gawat itu juga, umat Islam terpaksa mengharungi lapan siri peperangan yang mana empat daripadanya pernah disertai dan dipimpin Baginda Rasulullah s.a.w menentang kemaraan Musyrikin Quraisy dengan segala kemampuan yang seadanya dan sederhana.<sup>52</sup>

Tidak dapat disangkal lagi bahawa antara sumber terbesar kepada pendapatan negara bagi Madinah yang masih baru kukuh ketika itu adalah harta rampasan perang Badar. Dua bulan sebelum perang Badar itu, pihak tentera Islam telah pun berjaya mendapatkan hasil harta rampasan perang melalui penyertaan Abdullah bin Jahsy dalam Sariyyahnya.

Keadaan ekonomi Negara Madinah lebih meningkat dan berkembang maju apabila rampasan-rampasan perang diperolehi daripada Yahudi Bani Quraizah, Banu Nadir, Yahudi Khaibar Hawazin (akibat pencabulan mereka terhadap Piagam Madinah).

Sumber negara Madinah yang kedua di saat itu pula adalah melalui kutipan cukai yang dikenakan ke atas kaum Yahudi, Nasrani dan penganut agama Majusi di samping cukai terhadap hasil tanah yang dibangunkan serta diyat yang dipunggut melalui masyarakat non muslim di bawah Negara-negara Islam.

Pada tahun ke tujuh Hijrah, ketika umat Islam berjaya menawan lokasi Yahudi di Utara Madinah (melibatkan kawasan Khaibar, Fida' dan Wadi al-Qura), maka negara telah meletakkan pembayaran separuh daripada hasil pertanian di kawasan tersebut untuk diberikan kepada negara Islam.<sup>53</sup>

Dalam masa yang sama, kita tidak menafikan peranan zakat dan sumbangan derma yang digalakkan Islam merupakan penyumbang yang besar dalam menjana ekonomi negara Madinah. Lebih kemas lagi,

<sup>52</sup> Ahmad Ilyas Husain. 2001. Tarikh al-Ummah al-Islamiyyah. Jil. 1. Hal. 190.

<sup>53</sup> Al-Maqrizi menyebutkan bahawa Khaibar merupakan lokasi yang paling berharga milik kaum Yahudi sebelum itu lalu berpindah milik kepada Negara Islam Madinah dengan penghasilan sumber pertanian meliputi tanaman kurma dan pertanian lain hingga dinyatakan hasil pertaniannya berjumlah 40 ribu wusq di mana satu wusq itu menyamai 60 gantang. Lalu, umat Islam berhasil mendapat separuh daripada jumlah pengeluaran hasil pertanian di situ. 20 ribu wusq).



apabila Rasulullah s.a.w melantik pegawai-pegawai khas pemungut zakat daripada kalangan umat Islam bagi memastikan sistem pengutan dan agihan yang sistematik dan telus.<sup>54</sup>

## PENUTUP DAN KESIMPULAN

Rasulullah s.a.w telah menghadapi pelbagai cabaran dan krisis ekonomi di Madinah al-Munawwarah disebabkan oleh faktor kemiskinan, kurangnya sumber asli bumi dan pertambahan penduduk serta belengu sistem kapitalisme yang dipelopori Yahudi bagi mendominasi kegiatan ekonomi sebelum Hijrah lagi.

Sistem Kapitalisme yang melampau dan zalim ini telah menindas golongan miskin dan mengenepikan sebarang nilai-nilai manusiawi yang luhur dan murni di samping ia mencanangkan amalan riba dan penipuan yang berleluasa. Sebelum Hijrah, sistem ekonomi dan aktivitinya banyak dicatuti oleh "Kapitalis Yahudi" yang akhirnya mewujudkan jurang ekonomi yang sangat ketara antara rakyat yang kaya dan sebaliknya.

Namun, setelah peristiwa Hijrah, Baginda Nabi Muhammad s.a.w telah tampil dengan penuh bergaya menyusun atur sistem pentadbiran negara yang adil, telus dan mengambil kira kepentingan bersama lantas mewujudkan sistem agihan sumber negara di kalangan penduduk Madinah dengan saksama dan sewajarnya. Cabaran-cabaran ekonomi baik berbentuk dalaman mahu pun luaran telah berjaya ditangani Baginda Rasulullah s.a.w dengan bijak berdasarkan metode dan pendekatan yang bersuluhkan pedoman Ilahi dan wahyu Qurani yang menjamin kesejahteraan hidup duniawi dan ukhrawi. Selawat dan salam ke atasmu junjungan mulia, Nabi Muhammad s.a.w, penghulu sekalian Nabi dan Rasul yang mekar selamanya. *Wallahua'lam.*

---

<sup>54</sup> Ahmad Ilyas Husain. Op. Cit. Hal. 190.

## Rujukan

- Al-Quran al-Karim.
- Abu Hasan al-Nadawi. 1996. *al-Sirah al-Nabawiyyah*. Jeddah: Dar al-Syuruq.
- Al-Balaziri. 1932. *Futuh al-Buldan*. Al-Matba'ah al-Tijariyah al-Kubra.
- Ibn Hisham. T.th. *al-Sirah al-Nabawiyyah*. Bayrut: al-Dar al-Thaqafiyyah al-'Arabiyyah.
- Hasan Khalid Khalid. 1986. *Mujtama' al-Madinah Qabl al-Hijrah wa Ba'daha*. Beirut: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah.
- Ismail bin Umar bin Kathir al-Dimasyqi. 1989. *al-Bidayah wa al-Nihayah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Muhammad bin Ahmad bin Saleh al-Saleh. 2005. *Manhaj al-Islam fi Mu'alajah al-Faqr*. Riyadh: Syarikat Rifal li al-Tajlid.
- Muhammad Rawwas Qal'ah Jiyy. 1996. *Dirasah Tahliliyyah li Syakhsiah al-Rasul S.A.W*. Beirut: Dar al-Nafa'is.
- Muhammad Mahdi 'Amir. 1988. *al-Rasul fi Makkah wa al-Madinah*. Kaherah: al-Muassasah al-'Arabiyyah al-Hadithah.
- Muhammad Amakhzun. 2002. *Manhaj al-Nabi S.A.W fi al-Da'wah min Khilal al-Sirah al-Nabawiyyah al-Sahihah*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Muhammad Arifin Ismail. <http://arifinismail.blogspot.com/2007/05/kerja-nabi-dan-rasul.html>
- Muhammad Hisyam Bin Mohamad. *Peranan Pengguna Dalam Menangani Masalah Kenaikan Harga Barangan dan Perkhidmatan dalam laman web*: <http://www.ikim.gov.my/>.
- Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti. 1991. *Fiqh al-Sirah al-Nabawiyyah*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.



- Muhammad Taib al-Najjar. 1978. *al-Qaul al-Mubin fi Sirah Sayyid al-Mursalin*. Dar al-I'tisam.
- Muhsin Abd al-Hamid. 1989. *al-Islam wa al-Tanmiyyah al-Ijtima'iah*. Jeddah: Dar al-Manarah.
- Suhail Husain al-Fatlawi. 2001. *Diblomasiyyah al-Nabi s.a.w: Dirasah Muqaranah bi al-Qanun al-Dauli al-Mu'asir*. Beirut: Dar al-Fikr al-'Arabi.